

Peranan universiti di ASEAN bantu startup

INSTITUSI pengajian tinggi terutamanya yang bertaraf universiti penyelidikan di sesebuah negara, menjadi antara sumber utama dalam penghasilan ciptaan, inovasi dan penemuan terbaharu dari semasa ke semasa untuk kesihatan dan perubatan, pendidikan, pertanian, kejuruteraan dan produk-produk makanan manusia.

Kesemua ciptaan dan pertemuan terbaharu berasaskan kajian dan penyelidikan di universiti-universiti itu sudah pasti dapat dimanfaatkan manusia sejagat jika ia dipaten, dilesenkan dan dikomersialkan. Hanya dengan cara itu, semua perbelanjaan daripada dana-dana kerajaan dan swasta untuk tujuan kajian dan pembangunan sesuatu produk itu akan beroleh pulangan bernilai tinggi.

Sehubungan itu sesi 'Rangkaian startup Universiti ASEAN, Peranan Pejabat Pemandahan Teknologi (TTO's) dan Inkubator' yang diadakan pada Persidangan Keusahawanan IASEAN (IAES) membincangkan tentang cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi dalam kalangan universiti-universiti di negara anggota ASEAN.

Penceramah utama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila berkata, tidak semua hasil daripada penyelidikan di universiti-universiti boleh dikomersialkan. Ini kerana kajian dan penyelidikan turut

diperlukan untuk membuat dasar-dasar dalam sesuatu bidang dan pemahaman asas kepada sesuatu perkara.

Menurut Mohd. Azmi, sejak tahun 1990, UPM telah mengkomersialkan hampir 100 harta intelek (IP) bernilai RM50 juta melibatkan bidang bioteknologi, pertanian, kejuruteraan, perubatan dan herbal.

Beliau berkata, untuk menjayakan pengkomersialan sesuatu IP memerlukan dua hingga lima tahun. Bagaimanapun dalam tempoh dua tahun lalu, UPM membantu sebanyak 35 startup untuk menjalankan perniagaan. Di Malaysia, terdapat lebih 140 inkubator.

Beliau juga menyenutuh tentang peranan inkubator yang perlu menjalin kerjasama dengan pihak-pihak yang relevan dalam perniagaan yang diusahakan supaya mendapat hasil terbaik dalam tempoh satu hingga dua tahun bagi mendapat startup.

"Program inkubator bukan hanya sekadar menyediakan ruang untuk pentadbiran malah memerlukan bimbingan, menyediakan mentor selain membuat rangkaian kerja serta sumber-sumber yang diperlukan, dan yang lebih penting pasukan usahawan berkaliber termasuk graduan yang layak mengikutinya.

Sementara itu, sebelum sesuatu produk itu diperkenalkan kepada industri, Pejabat Pemandahan Teknologi, perlu menjalinkan kerjasama, merujuk dan berbincang selain

membuat pelesenan bagi membantu startup menjalankan perniagaannya.

Pensyarah, Kolej Kejuruteraan, University of Philippines, Ace C. Acosta pula memberitahu, program pemindahan teknologi daripada universiti ke pihak industri hanya bermula pada tahun 2007. Antara masalah yang dihadapi termasuk bajet yang terhad, kurang prihatin dan pengetahuan tentang harta intelek (IP).

Menurutnya, University of Philippines berjaya membantu 11 startup sehingga hari ini. Dalam pada itu, pihaknya masih menghadapi masalah berikutan kurangnya undang-undang berkaitan IP dan kod pemindahan teknologi.

Sementara itu, Timbalan Pengerah, Pusat Inkubator Perniagaan Teknologi (HCMUT-TBI), Vietnam, Dr. Nguyen Ngoc Dzong berkata, perkembangan startup amat menggalakkan di mana banyak ruang disediakan untuk inkubator, bengkel latihan dan juga pitching diadakan di banyak tempat.

Katanya, banyak pelabur asing dan pelaburan bercorak modal teroka mula berkembang dalam bidang teknologi maklumat (IT), sekali gus menyaksikan sejumlah startup terlibat dalam bidang ini. Malah, ada juga yang dihantar ke Korea dan Singapura sebagai pendedahan kepada dunia perniagaan yang lebih luas.

Mengulas pertanyaan seorang peserta, penceramah dari NUS Enterprise Singapore, Brian Koh berkata, cabaran yang dihadapi usahawan startup di negara-negara ASEAN tidak boleh disamakan dengan di Lembah Silikon, Amerika Syarikat berikutan struktur sokongan yang berbeza.

Katanya, penduduk-penduduk ASEAN perlu mengubah minda mereka iaitu daripada menjadi pegawai kerajaan selepas menamatkan pengajian dari universiti kepada menjadi usahawan dan pemilik syarikat. Terdapat sistem di mana startup diperlukan untuk berbincang dan mengikut contoh mentor yang berjaya dalam bidangnya.

Prof. Madya, Somchai Pengprecha, dari Fakulti Sains, yang juga Pengerah, Chulalongkorn Technopreneurship and Innovation Management Programme (TIP), Graduate School berkata, bayaran royalti setiap kali IP dikomersialkan kepada pihak industri akan diberikan sebanyak 50 peratus kepada penyelidik; 25 peratus kepada universiti dan 25 peratus untuk jabatan.

Menurutnya, sejak tahun 2009 sebanyak 20 startup menerima bantuan daripada TIP, di samping 10 produk inovasi berjaya dikomersialkan.



**MOHD. AZMI
MOHD. LILA**



BARISAN penceramah pada satu sesi mengenai peranan universiti di ASEAN dalam membantu startup menjalankan perniagaan.